



**KETUA PENGARAH
JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**
Aras 6, Bangunan MKN Embassy Techzone
Blok B, No. 3200 Jalan Teknokrat 2
63000 Cyberjaya, Sepang
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA

Tel. : 603-9078 6000
Laman Web : www.jdn.gov.my
E-mel : nikzalbiha@jdn.gov.my

Ruj Kami : JDN.100-1/3/1 JLD2(10)

Tarikh : 17 Julai 2026

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato',

PEMAKLUMAN PELAKSANAAN KAEDAH BAYARAN BALIK PEMBIAYAAN PROGRAM PENINGKATAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME BAGI PENGIKTIRAFAN TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.) DAN JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.) DI BAWAH KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM (KWAICT)

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato' kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk Wira/Datuk/Dato', Surat Arahan Ketua Pengarah (SAKP) Jabatan Digital Negara (JDN) Bilangan 1 Tahun 2025 - Garis Panduan Permohonan Ganjaran Dan Pembiayaan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT) telah dikeluarkan pada 4 Mac 2025. KWAICT bertujuan menyediakan dana dalam mengurusperdanakan pelaksanaan projek-projek ICT melalui tiga program utama iaitu:

- a) Pemberian ganjaran kepada ahli pasukan yang membangunkan projek ICT menggunakan kepakaran dalaman.
- b) Pembiayaan peningkatan kompetensi dan profesionalisme.
- c) Pembiayaan penyelidikan dan pembangunan (R&D) ICT sektor awam.

3. Di bawah program peningkatan kompetensi dan profesionalisme, KWAICT menyediakan pembiayaan bagi memperoleh pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Permohonan pengiktirafan Ts. dan Tc. yang dikemukakan kepada JDN diuruskan secara berkelompok dengan pihak MBOT. Melalui kaedah ini, JDN bertanggungjawab menguruskan sepenuhnya pembiayaan

bagi proses pengiktirafan tersebut yang merangkumi urusan pendaftaran, penilaian profesional dan pensijilan oleh MBOT.

4. Walau bagaimanapun, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa KWAICT Bilangan 2 Tahun 2025 bertarikh 12 Disember 2025, pembiayaan pengiktirafan profesional Ts. dan Tc. akan dilaksanakan melalui kaedah bayaran balik mulai tahun 2026 bagi menggantikan kaedah sedia ada. Melalui kaedah bayaran balik, pemohon yang telah mendapat kelulusan Jawatankuasa KWAICT menguruskan sendiri pembiayaan pengiktirafan kepada MBOT iaitu sebanyak RM1,000.00 bagi Ts. dan RM530.00 bagi Tc. Setelah mendapat pengiktirafan daripada MBOT, pemohon boleh mengemukakan tuntutan bayaran balik kepada JDN. Sehubungan itu, semua permohonan pembiayaan yang telah diluluskan pada tahun 2026 adalah tertakluk kepada kaedah bayaran balik tersebut.

5. Bersama-sama ini disertakan Tatacara Permohonan Pembiayaan Pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) di bawah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT) untuk perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Datuk Wira/ Datuk/ Dato'. Kementerian diminta memanjangkan pemakluman ini kepada semua jabatan/agensi persekutuan di bawah seliaannya.

Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/ Datuk Wira/Datuk/Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TS. NIK ZALBIHA BINTI NIK MAT)

SENARAI EDARAN

1. YBhg. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan
2. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan
3. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Tinggi
4. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan
5. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
6. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
7. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perlindungan dan Komoditi
8. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Manusia
9. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri
10. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
11. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Ekonomi
12. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
13. YBhg. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan
Jabatan Perdana Menteri
14. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

15. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
16. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya
17. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
18. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan
19. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
20. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan
21. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup
22. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Komunikasi
23. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
24. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
25. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Belia dan Sukan
26. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
27. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Perpaduan Negara
28. YBhg. Ketua Setiausaha
Kementerian Digital

**TATACARA PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENGIKTIRAFAN
TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.) DAN JURUTEKNIK
BERTAULIAH (TC.) DI BAWAH KUMPULAN WANG AMANAH
PEMBANGUNAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM (KWAICT)**

**JABATAN DIGITAL NEGARA
KEMENTERIAN DIGITAL**

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. TUJUAN	1
2. LATAR BELAKANG	1
3. KAEDAH PELAKSANAAN.....	2
4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK.....	3
5. TATACARA PERMOHONAN.....	4
6. TATACARA TUNTUTAN BAYARAN BALIK.....	5
7. KAEDAH BAYARAN BALIK.....	5
8. PENOLAKAN TUNTUTAN	5
9. TARIKH KUAT KUASA	5
LAMPIRAN A.....	6
LAMPIRAN B.....	8
LAMPIRAN C.....	9
LAMPIRAN D.....	10

**TATACARA PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENGIKTIRAFAN TEKNOLOGIS
PROFESIONAL (TS.) DAN JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.) DI BAWAH
KUMPULAN WANG AMANAH PEMBANGUNAN PROJEK ICT SEKTOR AWAM
(KWAICT)**

1. TUJUAN

- 1.1 Tatacara ini bertujuan menyediakan panduan permohonan bagi program Peningkatan Kompetensi dan Profesionalisme bagi Pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) di bawah Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT) sebagai rujukan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan Persekutuan (tidak termasuk Badan Berkanun Persekutuan).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kumpulan Wang Amanah Bagi Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT) telah ditubuhkan pada 13 Jun 2013 di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui Surat Ikatan Amanah bagi Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam. Program-program di bawah KWAICT adalah merangkumi:

- a. Pemberian Ganjaran Pasukan Projek ICT.
- b. Pembiayaan Peningkatan Kompetensi dan Profesionalisme.
- c. Pembiayaan Penyelidikan dan Pembangunan (*Research and Development*) ICT sektor awam.

- 2.2 Salah satu tujuan KWAICT adalah menyediakan dana khas bagi membiayai program Peningkatan Kompetensi dan Profesionalisme yang menyokong pengukuhan kepakaran dalaman Pegawai Skim Perkhidmatan Sistem Maklumat sektor awam. Inisiatif ini juga bertujuan menggalakkan pembangunan dan penghasilan produk ICT tempatan, di samping meningkatkan pengetahuan, kemahiran serta kepakaran pegawai selaras

dengan keperluan pendigitalan sektor awam dan perkembangan teknologi semasa.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 JDN menguruskan sepenuhnya semua urusan pembiayaan pengiktirafan sebagai Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) merangkumi bayaran yuran peringkat pendaftaran, penilaian profesional dan pensijilan kepada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) dalam kaedah pelaksanaan semasa.
- 3.2 Bagi memudahkan penyertaan pegawai dan memastikan tadbir urus kewangan dilaksanakan secara lebih teratur dan berkesan, program pengiktirafan profesional dilaksanakan melalui kaedah bayaran balik mengikut ketetapan berikut:
 - a. Pemohon membuat permohonan kelulusan pembiayaan bagi pengiktirafan profesional kepada JDN. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada pelaksanaan tadbir urus KWAICT dan peraturan yang berkuat kuasa.
 - b. Pemohon menguruskan proses pengiktirafan profesional dan membuat bayaran terlebih dahulu bagi yuran peringkat pendaftaran, penilaian profesional dan pensijilan kepada pihak MBOT menggunakan peruntukan sendiri.
 - c. Kadar yuran keseluruhan adalah sebanyak RM1,000.00 bagi kategori Ts. dan RM530.00 bagi kategori Tc., dengan jumlah tuntutan bayaran balik adalah terhad kepada kadar tersebut sahaja.
 - d. Tuntutan bayaran balik boleh dikemukakan kepada JDN setelah proses pengiktirafan profesional selesai dan lulus dengan jayanya.

4. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN DAN TUNTUTAN BAYARAN BALIK

4.1 Syarat-syarat permohonan adalah seperti berikut:

- a. Terbuka kepada pegawai Perkhidmatan Sistem Maklumat Iantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan masih berkhidmat.
- b. Pegawai hendaklah telah berkhidmat sekurang-kurangnya lima (5) tahun dan baki tempoh perkhidmatan tidak kurang tiga (3) tahun pada tarikh permohonan pembiayaan.
- c. Pegawai tidak berada dalam tempoh Cuti Separuh Gaji/Cuti Tanpa Gaji/Cuti Atas Sebab Perubatan/Cuti Atas Sebab Berkursus.
- d. Pemohon hendaklah memastikan butiran perkhidmatan telah wujud dalam Sistem Pengurusan Kerjaya Perkhidmatan Sistem Maklumat yang berkuat kuasa dan semua maklumat adalah terkini.
- e. Permohonan adalah untuk pembiayaan kali pertama (bukan pembaharuan pengiktirafan profesional) bagi pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) oleh MBOT.
- f. Pemohon tidak pernah menerima atau ditawarkan sebarang kursus pensijilan profesional atau kemahiran insaniah (*soft skills*) di bawah pembiayaan KWAICT dalam tahun semasa.
- g. Pembiayaan pengiktirafan daripada MBOT untuk Teknologis Profesional (Ts.) adalah terbuka kepada Pegawai Teknologi Maklumat. Manakala pembiayaan pengiktirafan Juruteknik Bertauliah (Tc.) terbuka kepada Penolong Pegawai Teknologi Maklumat dan Juruteknik Komputer.
- h. Purata markah penilaian prestasi pemohon untuk tiga (3) tahun terkini adalah sekurang-kurangnya 85%.

- i. Pemohon bebas daripada sebarang tindakan tatatertib.
- j. Permohonan hendaklah mendapat sokongan Ketua Jabatan Ketua Pegawai Digital (CDO)/Ketua Bahagian.

4.2 Syarat-syarat tuntutan bayaran balik adalah seperti berikut:

- a. Hanya pegawai yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa KWAICT sahaja layak untuk membuat tuntutan bayaran balik.
- b. Tuntutan bayaran balik boleh dibuat setelah pegawai selesai pengiktirafan dan lulus dengan jayanya Teknologis Profesional (Ts.) atau Juruteknik Bertauliah (Tc.).
- c. Pegawai hendaklah menyempurnakan pengiktirafan profesional termasuk membuat tuntutan bayaran dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa KWAICT.

5. TATACARA PERMOHONAN

5.1 Borang permohonan dan dokumen berkaitan boleh dicapai melalui Portal JDN (<https://www.jdn.gov.my>) pada laman Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Projek ICT Sektor Awam (KWAICT).

5.2 Pemohon hendaklah melengkapkan dan mengemukakan dokumen berikut kepada JDN melalui e-mel kwaict@jdn.gov.my :

- a. **Lampiran A** : Borang Permohonan Pembiayaan Program Peningkatan Kompetensi Dan Profesionalisme Bagi Pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.)/Juruteknik Bertauliah (Tc.).
- b. **Lampiran B** : Borang Pengesahan Maklumat Perkhidmatan Pegawai Klasifikasi Perkhidmatan Sistem Maklumat Untuk Permohonan Pembiayaan Pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.)/Juruteknik Bertauliah (Tc.).

c. **Lampiran C** : Borang Pengesahan Maklumat Tatatertib Pegawai Klasifikasi Perkhidmatan Sistem Maklumat Untuk Permohonan Pembiayaan Pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.)/Juruteknik Bertauliah (Tc.).

5.3 Aliran proses permohonan adalah seperti dalam **Lampiran D**.

6. TATACARA TUNTUTAN BAYARAN BALIK

6.1 Pegawai hendaklah mengemukakan tuntutan bayaran balik kepada JDN melalui e-mel kwaict@jdn.gov.my dalam tempoh ditetapkan dengan melampirkan dokumen-dokumen berikut:

- a. Resit rasmi pembayaran yang telah disahkan betul untuk urusan rasmi.
- b. Salinan bukti dokumen pengiktirafan.
- c. Salinan kad pengenalan.
- d. Salinan penyata bank akaun gaji.

7. KAEDAH BAYARAN BALIK

7.1 Bayaran balik akan dilaksanakan oleh JDN melalui kaedah Pindahan Dana Elektronik atau *Electronic Fund Transfer* (EFT) dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan dokumen tuntutan yang lengkap dan sempurna.

8. PENOLAKAN TUNTUTAN

8.1 Tuntutan boleh ditolak sekiranya dokumen tidak lengkap, gagal mendapat pengiktirafan profesional, tuntutan lewat dikemukakan atau permohonan tidak memenuhi syarat-syarat KWAICT yang tertakluk kepada peraturan yang berkuat kuasa.

9. TARIKH KUAT KUASA

9.1 Surat Arahan ini berkuat kuasa serta merta bagi permohonan yang diluluskan mulai tahun 2026.

**BORANG PERMOHONAN PEMBIAYAAN PROGRAM PENINGKATAN
KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME BAGI PENGIKTIRAFAN TEKNOLOGIS
PROFESIONAL (TS.)/JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.)**

1. Maklumat Pemohon

a. Nama	
b. No. Kad Pengenalan	
c. Jawatan	
d. Gred	
e. Kementerian/ Jabatan/Bahagian	
f. Alamat Tempat Bertugas	
g. E-mel	
h. Telefon Pejabat	
i. Telefon Bimbit	
j. Trek/Bidang Pengkhususan Semasa	
k. Peranan/Bidang Tugas Semasa	
l. Justifikasi Permohonan Pembiayaan	

- m. Senarai kursus pensijilan profesional/kursus kemahiran insaniah yang telah diperoleh/diikuti.

Bil.	Nama Pensijilan Profesional/ Kursus Kemahiran Insaniah	Tahun
1.		
2.		
3.		

Nota: Sila pastikan senarai kursus pensijilan profesional/kursus kemahiran insaniah yang telah dihadiri diisi dalam Sistem Pengurusan Kerjaya Perkhidmatan Sistem Maklumat.

2. Perakuan Pemohon

Dengan ini saya memperakui bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar. Saya **BERSETUJU** dengan syarat-syarat permohonan seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Permohonan Ganjaran dan Pembiayaan KWAICT dan peraturan yang berkuat kuasa.

Tandatangan :

Nama :

Tarikh :

3. Sokongan Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Digital (CDO)/Ketua Bahagian

Permohonan ini **DISOKONG/TIDAK DISOKONG**.

Ulasan:

--

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop rasmi jabatan :

Nota: Borang permohonan yang ditandatangani selain Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Digital (CDO)/Ketua Bahagian tidak akan diterima

LAMPIRAN B

**BORANG PENGESAHAN MAKLUMAT PERKHIDMATAN
PEGAWAI KLASIFIKASI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
UNTUK PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENGIKTIRAFAN
TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.)/JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.)**

Pengesahan Maklumat Perkhidmatan**(Diisi oleh pegawai sumber manusia kementerian/jabatan/agensi)**

Nama (seperti dalam kad pengenalan)	
No. Kad Pengenalan	
Jawatan dan Gred	
Tarikh Pengesahan Dalam Perkhidmatan	
Tempoh Perkhidmatan (Tahun dan Bulan)	
Tarikh Bersara	
Maklumat Prestasi Tahunan Bagi Tiga Tahun Terkini	Tahun _____ : _____ % Tahun _____ : _____ % Tahun _____ : _____ %

Pegawai **sedang dalam tempoh bercuti (Ya/Tidak)** : Jika Ya (Sila tandakan):☐ Cuti Tanpa Gaji☐ Cuti Separuh Gaji☐ Cuti Atas Sebab Perubatan☐ Cuti Atas Sebab Berkursus☐ Lain-lain cuti (Sila nyatakan): _____

Dengan ini saya memperakui bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan :

Nama :

Jawatan :

Tarikh :

Cop rasmi jabatan :

LAMPIRAN C

**BORANG PENGESAHAN MAKLUMAT TATATERTIB
PEGAWAI KLASIFIKASI PERKHIDMATAN SISTEM MAKLUMAT
UNTUK PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENGIKTIRAFAN
TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.)/JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.)**

Nama (seperti dalam kad pengenalan)	
No. Kad Pengenalan	
Jawatan dan Gred	
Agensi	
Status Tindakan Tatatertib (Ada/Tiada)	

Dengan ini saya memperakui bahawa segala maklumat yang diberikan adalah benar.

Tandatangan:

Nama :

Jawatan :


Tarikh :

Cop rasmi jabatan :

Nota:

Borang ini hendaklah diisi oleh pegawai Integriti jabatan/kementerian

ALIRAN PROSES PERMOHONAN PROGRAM PEMBIAYAAN PENINGKATAN KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME BAGI PENGIKTIRAFAN TEKNOLOGIS PROFESIONAL (TS.) / JURUTEKNIK BERTAULIAH (TC.)



Jadual 1: Keterangan Proses Permohonan Bagi Program Pembiayaan Peningkatan Kompetensi dan Profesionalisme

AKTIVITI	PENERANGAN
1. Semak syarat permohonan	Pemohon perlu membuat semakan sendiri syarat-syarat kelayakan permohonan yang telah ditetapkan dan memastikan maklumat dalam Sistem Pengurusan Kerjaya (SPK) adalah terkini.
2. Hantar permohonan	Pemohon mengemukakan permohonan dengan melengkapkan borang yang disediakan.
3. Semak permohonan	JDN menyemak permohonan yang diterima bagi memastikan maklumat dan dokumen adalah lengkap serta memenuhi syarat-syarat kelayakan permohonan.

AKTIVITI	PENERANGAN
4. Perakuan JTKWAICT	Urusan pertimbangan perakuan bagi permohonan yang lengkap serta memenuhi syarat-syarat kelayakan melalui Mesyuarat JTKWAICT.
5. Kelulusan JKWAICT	Urusan pertimbangan kelulusan oleh JKWAICT bagi permohonan yang telah diperakukan melalui Mesyuarat JKWAICT.
6. Laksana pengiktirafan profesional dengan MBOT	Pemohon melaksanakan proses pendaftaran, penilaian profesional dan pensijilan dengan pihak MBOT menggunakan peruntukan sendiri. Nota: Proses tertakluk kepada tatacara MBOT.
7. Sedia dokumen tuntutan bayaran	Pemohon yang telah mendapat pengiktirafan MBOT perlu menyediakan semua dokumen yang diperlukan bagi keperluan tuntutan bayaran balik.
8. Hantar dokumen tuntutan bayaran	Pemohon membuat tuntutan bayaran dengan mengemukakan semua dokumen yang diperlukan.
9. Semak dokumen tuntutan bayaran	JDN menyemak dan memastikan semua dokumen tuntutan bayaran adalah betul dan lengkap.
10. Bayaran tuntutan	JDN memproses bayaran tuntutan kepada pemohon.
11. Terima bayaran	Pemohon menerima bayaran daripada JDN.